

Jom ke i-City Pada Cuti Sekolah Ini!

Tarikan baru
diperkenalkan di dalam
tanah i-City yang
berukuran 72 ekar



Kanak-kanak
bergembira di dalam
ride "Jungle Rider".

Digelar bandar lampu digital, taman tema i-City yang berukuran 25 ekar telah mendapat sambutan ramai iaitu 5.5 juta orang pengunjung pada tahun 2013. Dengan pembukaan WaterWorld@i-City, taman tema i-City ingin memberikan pengunjung pengalaman *edutainment* yang terbaru!


Terletak di Fun World, i-City bangga untuk memperkenalkan tarikan *edutainment* terbarunya untuk para keluarga. Antara tarikan-tarikan terbarunya adalah:

* **Itsy Bitsy:** Ibu bapa boleh meluangkan masa bersama anak-anak di taman magik ini. Di sana, ibu bapa boleh mengimbas kembali memori bersama anak-anak apabila mereka menyertai semut-semut rajin dan Mr. & Mrs. Bee menyambut pengunjung ke dalam "sarang labah-labah". Di Itsy Bitsy, terdapat pelbagai *ride* seperti Mini Pirate Ship, Rocking Chaise Car dan Fitness JR di mana fizikal dan stamina kanak-kanak akan diuji.

* **Jungle Adventure:** Empat permainan yang membenarkan si kecil untuk menaiki Jungle Rider bersama ibu bapa untuk mengenali haiwan-haiwan liar. Berjumpalah dengan Mr. Tiger yang nakal atau Three Bears yang amat peramah.

* **Fun Drive:** Bandar kecil di mana kanak-kanak boleh memandu dan menjelajah bandar ini. Si kecil pastinya akan berseronok sambil belajar peraturan di jalan raya. Si kecil akan menerima kad pendaftaran memandu dan mendengar taklimat mengenai peraturan asas ketika berada di jalan.

"i-City adalah destinasi pelancong dalam dan luar negara yang berorientasikan keluarga dan mempunyai tarikan seperti Red Carpet, muzium lilin (wax) interaktif yang pertama di Malaysia dan pelbagai tarikan untuk orang dewasa dan golongan remaja pada waktu siang dan malam. Akan tetapi, kini, i-City kini telah memperkenalkan zon khas untuk kanak-kanak yang membuatkan ia sesuatu tempat yang sesuai untuk seluruh keluarga," kata Tan Soke Cheng, Pengurus Maklumat i-City.



Tan Soke Cheng, Pengurus Maklumat i-City (di dalam kereta berwarna hijau) bersama kanak-kanak di Fun Drive.



Beliau berkata lagi, "Kami pasti bahawa tarikan baru kami akan memberikan kebaikan kepada para pengunjung di i-City. Seperti contoh, dengan pembukaan Itsy Bitsy di Taman Tema C, kami sedang menggalakkan ikatan perhubungan antara keluarga dan membenarkan ahli-ahli keluarga untuk berkongsi gelak tawa dan kegembaraan bersama.



Bayangkanlah, ibu bapa boleh melihat kelakuan dan perwatakan si kecil ketika sedang menaiki *ride* – semuanya di "dalam i-City!"

Selain itu, pengalaman pengunjung akan menjadi lebih seronok dengan dua tarikan baru yang lain iaitu Dancing Water dan Mist Fountain. Terletak di dalam taman lampu digital, Mist Fountain menawarkan persekitaran yang sejuk – seperti di atas gunung yang akan merapatkan perhubungan keluarga. Dancing Water pula, adalah pertunjukan air yang menarik. Pengunjung pastinya akan berasa terkejut kerana ia menggabungkan

muzik, lampu dan air. Terletak di kawasan Lampu Digital, ia boleh menempatkan beberapa ribu orang pengunjung pada satu masa.

"i-City ingin memberikan keseronokan kepada pengunjung pada sepanjang tahun. Dengan pelbagai tarikan baru di i-City, pengunjung kini boleh meluangkan masa kualiti bersama keluarga dan orang yang tersayang dengan menaiki pelbagai *ride* dan melihat pertunjukan air yang menarik."

Fun World@i-City dibuka dari pukul 10 pagi. Dancing Water akan bermula pada pukul 9 malam dari Isnin hingga Khamis dan pada hari Jumaat hingga Ahad, ia akan bermula pada pukul 8 malam, 9 malam, 10 malam dan 11 malam. Selain itu, pengunjung juga boleh menikmati pertunjukan Dancing Water sambil diselubungi Mist Fountain yang sejuk.

Untuk maklumat lanjut, sila layari iticket.i-city.my atau hubungi 03 - 5521 8800. 



Stamina kanak-kanak diuji di Itsy Bitsy.